

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Helaiian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk ini.

Anda juga dinasihatkan supaya membaca terma dan syarat am yang tertera di dalam Surat Tawaran.

Nama Pakej : SME Clean Financing-i
Tarikh : ___/___/_____

1. APAKAH MAKLUMAT BERKENAAN DENGAN PRODUK INI?

Ia adalah pembiayaan modal kerja dalam bentuk pembiayaan berjangka untuk *Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan *Perusahaan Mikro. Caj Kadar Keuntungan Efektif untuk produk ini dikira berdasarkan kepada kadar boleh ubah.

Surat Jaminan daripada pengarah (terpakai untuk Sdn Bhd) dan jaminan daripada Credit Guarantee Corporation (CGC) (jika perlu) akan diambil sebagai cagaran/sekuriti untuk pembiayaan ini.

Pembiayaan disediakan adalaah pembiayaan patuh shariah.

(*Berdasarkan definisi SME Development Council [NSDC])

2. APAKAH YANG BOLEH SAYA PEROLEHI DARIPADA PRODUK INI?

Jumlah Amaun Pembiayaan	Minima: RM10,000 Maksima: RM250,000 <i>(Jumlah pembiayaan yang diluluskan adalah atas budi bicara pihak Bank)</i>
Produk	Kemudahan Pembiayaan Berjangka di bawah pakej SME Clean Financing-i: <ul style="list-style-type: none"> 1. SME Online Clean Financing-i <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tunai yang pantas untuk SME 2. SME Online Micro Financing-i * <ul style="list-style-type: none"> ▪ Dibiayai oleh Bank Negara Malaysia (BNM FME) 3. SME Online PGX-i * <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jaminan oleh Credit Guarantee Corporation (CGC) <p><i>* Pembiayaan di bawah SME Online PGX-i dan SME Online Micro Financing-i adalah bergantung kepada kelulusan daripada CGC atau Bank Negara Malaysia (BNM) dan ketersediaan dana di bawah program.</i></p>
Margin Pembiayaan	Tidak Berkenaan
Tempoh Pembiayaan	Tempoh minima 1 tahun dan maksima 5 tahun
Sekuriti	Tanpa sekuriti
Jaminan	1. Jaminan Bersama oleh semua pengarah (terpakai untuk Sdn Bhd) 2. Jaminan CGC (terpakai untuk SME Online PGX-i) 3.
Kadar Pembiayaan Asas dan Kadar FME	Semasa: <ul style="list-style-type: none"> 1. Kadar Pembiayaan Asas (KPA) adalah 5.65% setahun 2. Kadar BNM Fund for Micro Enterprise (FME) adalah 0% setahun sehingga 31/12/2020 (untuk SME Online Micro Financing-i) <p>Nota: Jumlah ansuran dan jumlah bayaran balik akan berubah mengikut perubahan dalam Kadar Pembiayaan Asas (KPA) dan Kadar FME.</p>

Harga / Kadar Keuntungan Efektif

Kadar Keuntungan Efektif berdasarkan produk:

1. Pembiayaan SME Online Clean Financing-i
 - KPA+4.5% to KPA+6.5% (setahun)
2. Pembiayaan SME Online Micro Financing-i
 - FME+8.5% to FME+11.5% (setahun)
3. Pembiayaan SME Online PGX-i
 - KPA+3.50% to KPA+7.5% (setahun)

Nota: Kiraan bagi bayaran ansuran bulanan adalah berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif.

Kadar Keuntungan Efektif di atas boleh diubah pada bila-bila masa oleh pihak Bank dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan dengan syarat bahawa ia tidak akan melebihi Kadar Keuntungan Siling.

Harga Jualan Bank

Kadar Pembiayaan Asas (KPA) semasa adalah 5.65% setahun.

Jika Kadar Keuntungan Efektif	Maka Harga Jualan Bank
KPA + (< 3.00%)	KPA + 4% atau 10%, mana yang tinggi
KPA + (≥ 3.00%)	KPA + 4% + margin keuntungan atau 15%, mana yang tinggi

Perbankan dalam Talian

Maybank2u/ Maybank2u.Biz

3. APAKAH KONTRAK SHARIAH YANG DIGUNAKAN?

Kontrak Syariah yang digunakan untuk Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i ialah Murabahah (kos berserta keuntungan) melalui aturan Komoditi Murabahah/Tawarruq. Ia adalah kaedah jualan dengan harga penambahan di mana pelanggan membayar harga dalam tempoh masa yang dipersetujui. Aset yang mendasari urusniaga jualan antara Pelanggan dan Bank merupakan komoditi khusus patuh Syariah yang boleh diniagakan.

- a) Mengikut pembiayaan secara Komoditi Murabahah, pihak Bank memperoleh/membeli komoditi patuh syariah daripada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 1) atas permintaan Pelanggan.
- b) Pihak Bank kemudian menjual komoditi kepada Pelanggan dengan Harga Jual Bank yang terdiri daripada harga komoditi campur margin/keuntungan bank. Pelanggan membayar secara bertahap dalam tempoh masa yang dipersetujui.
- c) Pelanggan kemudian melantik pihak Bank sebagai wakil untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) demi meraih wang.
- d) Pihak Bank, sebagai wakil Pelanggan kemudian menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) pada harga jual mengikut amaun pembiayaan.
- e) Hasil penjualan komoditi akan diremit kepada Pelanggan, penjual atau pihak berkepentingan mengikut terma dan syarat pembiayaan.

Untuk transaksi Komoditi Murabahah di bawah kemudahan pembiayaan ini, pada setiap masa Bank menjadi ejen tidak eksklusif bagi pihak anda, dalam melaksanakan transaksi Komoditi Murabahah yang berkaitan dengan kemudahan ini.

1. BOLEHKAH SAYA MEMILIH UNTUK PENYERAHAN SECARA FIZIKAL KOMODITI TERSEBUT? APAKAH KOS YANG TERLIBAT?

Anda boleh memilih untuk penyerahan secara fizikal tertakluk kepada terma dan syarat oleh pihak Bank. Semua kos berkaitan dengan arahan anda untuk penyerahan secara fizikal komoditi tersebut perlu ditanggung oleh anda.

2. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?

Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i

Membuat pembayaran ansuran bulanan setelah pengeluaran pembiayaan penuh dikeluarkan oleh pihak Bank

Pembayaran kemudahan pembiayaan biasanya dalam bentuk ansuran bulanan (dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif semasa, tempoh pembiayaan dan jumlah pembiayaan). Pembayaran jumlah ansuran akan bermula setelah pengeluaran pembiayaan dikeluarkan sepenuhnya oleh pihak Bank.

Jumlah Ansuran Bulanan *	RM _____ (Jumlah pembiayaan, termasuk kadar keuntungan)
Jumlah Keseluruhan Ansuran Yang Perlu Dibayar (Termasuk Jumlah Pembiayaan)*	RM _____

*Nota: Jumlah ansuran dan jumlah pembiayaan penuh yang perlu dibayar mungkin berbeza tertakluk kepada perubahan kepada Kadar Pembiayaan BNM dan/atau KPA.

Contoh ilustrasi:

Harga/ Kadar Keuntungan Efektif : KPA + 4% setahun
 Jumlah Pembiayaan : RM500,000
 Tempoh Pembiayaan : 5 Tahun

Kadar Keuntungan Efektif	Hari Ini (KPA=5.65%) i.e. 5.65% + 4%	Sekiranya KPA meningkat 0.25% i.e. 5.90% + 4%	Sekiranya KPA meningkat 0.50% i.e. 6.15% + 4%
Bayaran Ansuran Bulanan	RM2,108.00	RM2,120.00	RM2,132.00
Jumlah Keuntungan untuk 5 Tahun	RM26,451.44	RM27,187.24	RM27,925.56
Jumlah Keseluruhan Ansuran yang Perlu Dibayar untuk 5 Tahun	RM126,451.44	RM127,187.24	RM127,925.56

3. BERAPAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU DIBAYAR?

Duti Setem	<ul style="list-style-type: none"> Sebagaimana yang tercatat didalam Akta Duti Setem 1949 (semakan semula pada 1989). Duti setem telah dikecualikan di bawah Perintah Duti Setem (pengecualian no 4) 2011 untuk instrumen Skim Pembiayaan Mikro
Yuran Perdagangan	Berhubung dengan transaksi Komoditi Murabahah, Pelanggan hendaklah membayar kepada pihak Bank yuran perdagangan sebanyak RM15 bagi setiap RM1.0 juta Amaun Kemudahan atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
Yuran bagi Jaminan CGC	Apabila berlakunya perkara-perkara yang dikira wajar oleh pihak Bank atau jika ada pembatalan kemudahan dari pihak Pelanggan, jaminan CGC yang telah dikeluarkan boleh dibatalkan oleh pihak Bank pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada CGC, yang mana pelanggan dengan ini bersetuju bahawa yuran jaminan yang dibayar kepada CGC tidak akan dikembalikan.
Caj Dokumentasi Pembiayaan RSME 'In-House'	<ul style="list-style-type: none"> Yuran dokumentasi maksima sebanyak RM600. Percuma untuk Pembiayaan SME Online Micro Financing-i
Cukai	Tertakluk kepada cukai dan levi sedia ada dan akan datang yang ditetapkan mengikut undang-undang.
Lain-lain Yuran	Semua kos dan perbelanjaan seperti yuran guaman atau lain-lain caj yang terlibat dalam penyediaan dokumen, penyempurnaan dokumen sekuriti pihak bank dan pengeluaran pembiayaan.

4. BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA GAGAL MEMENUHI KEWAJIPAN SAYA?

Caj Pembayaran Lewat	<p>A. Pihak Bank mempunyai hak untuk pampasan atas bayaran lewat dan kemungkiran bayaran, berlandaskan mekanisme seperti di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <u>Bayaran Tertunggak</u> Sekiranya anda gagal membayar sebarang amaun tertunggak dari tarikh bermulanya kemudahan dikeluarkan sehingga tarikh matang, caj pembayaran lewat akan dikenakan sebanyak 1% setahun ke atas amaun yang tertunggak atau cara lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). <u>Apabila Matang/Penghakiman (yang mana terdahulu)</u> Kadar Harian Pasaran Kewangan Interbank Islam (IIMM) akan dikenakan di atas kegagalan membayar
-----------------------------	---

	<p>jumlah baki tertunggak dan perlulah dibayar atau menggunakan kaedah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.</p> <p>B. Walaubagaimanapun, caj pembayaran lewat yang dcaj tidak akan dikompaunkan kepada baki pembiayaan tertunggak.</p> <p>Nota: Tindakan undang-undang akan dikenakan jika anda gagal memberi respon kepada notis peringatan.</p>
Hak Penyelesaian	Pihak Bank berhak menolak selesai mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dibuka dengan Bank untuk melunaskan mana-mana jumlah tertunggak yang melibatkan kemudahan ini.
Kadar Kemungkinan	<p>Jika berlaku kemungkinan selama (3) bulan dalam sebarang pembayaran tertunggak atau akaun kemudahan tunai-i melebihi had tiga (3) bulan dibawah pembiayaan ini, pihak Bank berhak untuk menaikkan margin keuntungan bagi kadar keuntungan efektif kepada Kadar Pembiayaan Asas + 2.5% setahun atau 1.0% setahun keatas kadar keuntungan efektif (jika kadar keuntungan efektif ialah Kadar Pembiayaan Asas + 2.5% setahun atau lebih), (“kadar kemungkinan”) akan dikenakan pada jumlah yang tertunggak atau kadar keuntungan lain dimana Bank akan menetapkan sendiri atau atas budi bicara pihak Bank dari semasa ke semasa.</p> <p>Untuk pembiayaan berjangka, bayaran untuk pembiayaan ini adalah mengikut bulanan, suku tahunan, setengah tahun, tahunan atau pembayaran sekaligus, dimana bank berhak menaikkan keuntungan margin dari kadar keuntungan kepada kadar kemungkinan untuk dikenakan pada jumlah yang tertunggak, atau kadar keuntungan lain dimana bank akan menetapkan sendiri atau atas budi bicara pihak bank dari semasa ke semasa, jika pembayaran tertunggak dan tidak dibayar selama tiga (3) bulan dari hari pertama kemungkinan.</p> <p>Dengan syarat bahawa kenaikan itu tidak akan menyebabkan jumlah pembayaran melebihi Harga Jualan Bank.</p>

5. BAGAIMANA JIKA SAYA MENJELASKAN BAKI PEMBIAYAAN SEBELUM TEMPOH MATANG?

Tempoh Tertutup untuk Penyelesaian Awal	Tiada.
Yuran Penyelesaian Awal	Tiada.
Rebat (Ibra’)	<p>Pihak Bank akan memberi rebat (<i>Ibra’</i>) kepada pelanggan dalam, tetapi tidak terhad kepada, situasi-situasi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Pelanggan membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang terbit dari bayaran awal; (b) Sekiranya ansuran bulanan berlaku awal sebelum berakhirnya tempoh pembayaran keuntungan (untuk pembayaran berkala); (c) Sekiranya kadar keuntungan efektif lebih rendah dari kadar keuntungan siling; dan (d) Sekiranya jumlah pengeluaran sebenar adalah rendah dari harga jualan bank. <p>Bagi mengelak keraguan, adalah diperakui dan dipersetujui bahawa rebat-rebat berkenaan tidak boleh dianggap sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada Pelanggan, tetapi didatangkan sebagai tolakan dari elemen keuntungan ansuran kemudahan pembiayaan tersebut. Rebate berkenaan hanya akan diberikan selepas penerimaan jumlah penyelesaian/penebusan sebagaimana ditentukan oleh Bank berdasarkan formula di bawah:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px 0;"> $\text{Baki Harga Jualan} \quad \text{tolak} \quad \text{Baki Kemudahan} \quad \text{tolak} \quad \text{Amaun Lain Yang Perlu Dibayar Kepada Bank}$ </div> <p>Anda boleh merujuk laman web kami di www.maybank2u.com.my untuk contoh ilustrasi mengenai pengiraan dan penyelesaian berdasarkan formula <i>Ibra’</i>.</p> <p>Pergi ke Home > Announcements > Bank Negara Malaysia’s Guideline on <i>Ibra’</i> (Rebate) for Sale-Based Financing.</p>

6. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN SEBARANG PERLINDUNGAN TAKAFUL?

Ya, anda disarankan untuk mengambil Perlindungan Peribadi Berkurangan Takaful (PRTT) bagi melindungi anda/ pemilik perniagaan/pengarah urusan /pengurus bersama/rakan kongsi/pemilik persendirian sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal.

7. APAKAH RISIKO UTAMA?

Perlu diingatkan bahawa kadar keuntungan efektif boleh berubah dari masa ke semasa mengikut perubahan dalam Kadar Pembiayaan Asas. peningkatan dalam kadar keuntungan efektif boleh menyebabkan bayaran ansuran bulanan yang lebih tinggi.

Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran balik, sila hubungi kami lebih awal untuk berbincang mengenai kaedah alternatif bayaran.

8. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT SEBARANG PERUBAHAN MAKLUMAT KEPADA BUTIR-BUTIR PERHUBUNGAN SAYA?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda dapat dihubungi atau menerima surat-menyurat tepat pada masanya. untuk mengemaskini butir-butir perhubungan anda, sila hubungi kami melalui surat menyurat atau hubungi kami melalui salah satu rangkaian sebagai contoh: MZU atau lawati cawangan asal anda.

9. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN PEMBELAAN?

- i) Jika anda mempunyai masalah dalam membuat pembayaran, anda perlu menghubungi kami secepat yang mungkin untuk berbincang mengenai pembayaran alternatif. Anda boleh menghubungi kami di:

Nama Cawangan : _____

Alamat : _____

Tel/Faks : _____ E-mel : _____

- ii) Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 8, Maju Junction Mall

1001, Jalan Sultan Ismail

50250 Kuala Lumpur

Tel : 1-800-88-2575 E-mel : enquiry@akpk.org.my

- iii) Sekiranya anda ingin mengadu mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di cawangan asal:

atau;

Talian Bantuan Pelanggan

Tel: 1-300-88-6688 (Tempatan) , 603 - 78443696 (Luar Negara)

E-mel: mgcc@maybank.com.my

- iv) Jika anda tidak berpuas hati dengan cara kami menjawab pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia link atau telelink di:

Block D, Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Tel : 1-300-88-5465

Faks : 03-21741515 E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

10. DI MANA BOLEH SAYA MENDAPATKAN MAKLUMAT TAMBAHAN?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:



Cawangan Maybank/Maybank Islamic:
Alamat :
Tel :
E-Mel:

11. ADAKAH SKIM LAIN YANG DITAWARKAN OLEH SME?

Ya. Anda boleh merujuk laman web kami di www.maybank2u.com.my untuk Skim SME yang lain.

PENAFIAN TUNTUTAN

Maklumat serta terma dan syarat am yang dinyatakan di dalam helaian maklumat produk ini adalah bagi tujuan memberi maklumat dan tidak terikat kepada pihak Bank. Terma dan syarat muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran selepas penilaian kredit dan kelulusan akhir oleh pihak Bank.

NOTA PENTING:

PIHAK BANK BERHAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT PEMBAYARAN.

Maklumat yang diberikan dalam Lembaran Pendedahan ini sah pada Jun 2020 dan akan sah sehingga penambahbaikan berkala berikutnya.